

- ➔ Air disiram satu kali sehari pada waktu pagi. Jika disiram berlebihan dikhuatiri pokok akan kurang berbunga dan daun akan jadi besar.
- ➔ Letak di tempat yang mempunyai cukup cahaya matahari. Jarak antara pasu sekurang-kurangnya 1 meter.
- ➔ Pokok Bougainvillea hendaklah dipangkas pada tunas-tunas yang tidak diperlukan, ranting kering atau yang telah mati, dahan yang terjurai dan seterusnya membentuk pokok seperti yang dikehendaki.

#### Cara Penjagaan Pokok Bougainvillea Bonsai

- ➔ Potong mengikut bentuk yang dikehendaki dan ikat dengan dawai halus.
- ➔ Jaga sebaik mungkin dan jangan biarkan bentuk tersebut patah.
- ➔ Seperti bunga Bougainvillea biasa, cuma perlu dibentuk (trim) 1 bulan sekali.
- ➔ Jika tidak cukup air, daun akan menjadi kuning.
- ➔ Boleh dikawinkan dengan bermacam jenis Bougainvillea.
- ➔ Bonsai akan cantik mengikut bentuk yang dikehendaki dalam masa 2 hingga 2 1/2 tahun (Bagi barang yang baru hendak dibentuk 3 tahun).

#### Punca Daun Lebih Banyak Dari Bunga

- ➔ Tidak cukup pancaran matahari. (Seharusnya 6 jam diletakkan pada cahaya matahari).
- ➔ Tidak cukup edaran udara
- ➔ Terlalu kerap menyiram air (lebih 1 kali).
- ➔ Akar telah turun ke tanah (seeloknya akar yang menonjol keluar dipotong dan hendaklah dilapik pasu tersebut).



Permohonan berkaitan hendaklah dikemukakan kepada:-

#### Jabatan Landskap & Rekreasi Majlis Bandaraya Ipoh

Taman Rekreasi Gunung Lang,  
Off Jalan Kuala Kangsar,  
30010 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi

Tel : 05-5062088

**HOTLINE MBI**

05-255 1515

REKABENTUK : MAJLIS BANDARAYA IPOH  
HAKCIPTA TERPELIHARA

# BUNGA BOUGAINVILLEA

*Bunga Rasmi Ipoh*



**CARA-CARA MENANAM  
DAN MENJAGA  
BUNGA BOUGAINVILLEA**



**IPOH BERSIH, HIJAU & MEMBANGUN**

## Pengenalan

Bunga kertas atau bunga Bulang adalah nama panggilan biasa yang kita dengar untuk "Bunga Bougainvillea". Nama ini diambil sempena dengan nama seorang ahli pelayaran bangsa Perancis, Louis de Bougainvillea yang menjumpai pokok ini di Rio De Jenerio pada kurun ke tujuh belas. Bunga ini telah dibawa ke Eropah pada tahun 1780an dan didapati pertama kali berbunga di Paris pada tahun 1830an dan di England 10 tahun kemudiannya "B. Spectabilis" dan "B. Glabra" adalah diantara spesies-spesies yang mula-mula sekali ditanam. Seterusnya kacukan daripada 2 spesies ini telah menghasilkan banyak kultiva dan hybrid. Adalah diketahui bahawa spesies "B. Glara Var Mrs. Butt" telah sampai ke Malaysia pada tahun 1923 dan diikuti pula oleh spesies "Ms. Mclean" sepuluh tahun kemudian. Pokok bunga Bougainvillea semulajadi itu telah terkenal dan menjadi pokok popular di taman-taman bunga dan halaman-halaman rumah. Usaha untuk mengenali bunga ini telah dibuat oleh Professor R.E. Holtum dalam siri penebitan M.A.H.A.

## Jenis - Jenis Bunga Kertas

Terdapat lebih kurang 100 - 120 kultiva/hybrid bunga Bougainvillea yang ada di Malaysia. Walau bagaimanapun tiada data yang tepat mengenai kultiva/hybrid yang ada di negara ini. Kebanyakan kultiva/hybrid ini di bawa masuk melalui negara-negara jiran terutamanya dari Thailand, Singapura dan Indonesia. Antara kultiva/hybrid yang popular ialah Bougainvillea B. Glaba Var Mrs. Eva, Mary Palmer, Singapore Beauty, Crystal White, Elizabeth Angus, Poultonuui dan B. Farmosa.

## Cara - Cara Menanam

- ➔ Pokok bunga Bougainvillea ini boleh ditanam samada didalam polybag, pasu ataupun di atas halaman tanah.
- ➔ Sekiranya ditanam dalam pasu, isi pasu dengan campuran tanah bakar, baja organik dan pasir pada kadar 5 : 3 : 2.
- ➔ Sebelum memasukkan tanah ke dalam pasu, pastikan sedikit pecahan pasu/bata diletakkan dahulu dibahagian bawah pasu supaya memudahkan pengaliran air.

- ➔ Jangan isi tanah terlalu penuh di dalam pasu. Keratan batang yang hendak ditanam hendaklah dipilih dari batang keras atau sederhana.
- ➔ Batang yang hendak dikerat, dipilih dari dahan atau ranting yang subur dan tidak berpenyakit.
- ➔ Dahan yang dipilih dikerat antara 10 - 15 sm panjang dan mempunyai sekurang-kurang 2 mata tunas. Satu mata tunas untuk pengeluaran akar dan satu mata tunas lagi untuk pengeluaran pucuk.
- ➔ Pangkal keratan dipotong menyerong dibawah satu mata tunas dan 2 - 3 helai daun ditinggalkan. Keratan kemudiannya ditanam sedalam kira-kira 3 - 4 sm ke dalam tanah.
- ➔ Bagi keratan yang susah berakar, pangkal keratan hendaklah dicelupkan dengan hormon penggalak akar yang ada dijual di pasaran

## Penanaman Cara Keratan Batang

- ➔ Pokok bunga Bougainvillea ini boleh ditanam samada di dalam polybag, pasu ataupun di atas halaman tanah.
- ➔ Sekiranya ditanam dalam pasu, isi pasu dengan campuran tanah bakar, baja organik dan pasir pada kadar 5 : 3 : 2.
- ➔ Sebelum memasukkan tanah ke dalam pasu, pastikan sedikit pecahan pasu/bata diletakkan dahulu dibahagian bawah pasu supaya memudahkan pengaliran air.
- ➔ Jangan isi tanah terlalu penuh di dalam pasu.
- ➔ Keratan batang yang hendak ditanam hendaklah dipilih dari batang keras atau sederhana.
- ➔ Batang yang hendak dikerat, dipilih dari dahan atau ranting yang subur dan tidak berpenyakit.
- ➔ Dahan yang dipilih dikerat antara 10 - 15 sm panjang dan mempunyai sekurang-kurang 2 mata tunas. Satu mata tunas untuk pengeluaran akar dan satu mata tunas lagi untuk pengeluaran pucuk.
- ➔ Pangkal keratan dipotong menyerong dibawah satu mata tunas dan 2 - 3 helai daun ditinggalkan.
- ➔ Keratan kemudiannya ditanam sedalam kira-kira 3 - 4 sm ke dalam tanah.
- ➔ Bagi keratan yang susah berakar, pangkal keratan hendaklah dicelupkan dengan hormon penggalak akar yang ada dijual di pasaran.

## Penanaman Cara Cantuman

- ➔ Kaedah cantuman (baji) kerap digunakan untuk memperolehi kepelbagaian warna bunga atau daun pada satu pokok.
- ➔ Dahan pokok bunga kertas yang masih muda atau separa tua dipilih. Pucuknya dipotong dengan pisau tajam dan kemudian dibuat belahan berbentuk V dari atas hingga ke bawah sepanjang 0.5 - 1.0 sm. Pokok ini dinamakan pokok penanti.
- ➔ Sediakan sion (pucuk daripada pokok lain) sepanjang pokok bunga kertas yang dikehendaki. Buangkan daun dan tinggalkan sedikit bahagian pucuk. Pangkal sion dipotong serong di kedua-dua belahnya sepanjang 0.5 - 1.0 sm yang berbentuk seperti baji.
- ➔ Masukkan sion di celah belahan berbentuk V pada pokok penanti. Pastikan kedua-duanya melekap antara satu dengan lain. Kemudiannya, cantuman tersebut dibalut dengan tali rafia atau parafilm.
- ➔ Seterusnya, keseluruhan dahan cantuman tersebut diletakkan di tempat yang teduh. Apabila tunas mula hidup, plastik lut sinar dan ikatan tali rafia/parafilm hendaklah dibuang. Hasil cantuman menghasilkan pokok bunga kertas yang cantik dan sihat.

## Cara Penjagaannya

- ➔ Baja dibubuh disekeliling pasu dan seelok-eloknya digaulkan dengan tanah didalam pasu tersebut.
- ➔ Baja hendaklah dibubuh seelok-eloknya 15 hari sekali. Disyorkan guna baja jenis organik (contoh 8 : 8 : 8) atau guna baja jenis kimia yang mengandungi unsur kalium tinggi.
- ➔ Sukatannya :  
Pokok yang ditanam di atas tanah sukatannya adalah sebanyak 12 sudu teh (kerana ia terdedah pada aliran air hujan).

SAIZ PASU	SUKATAN
Pasu besar (bonsai)	6 sudu teh
Pasu sedang	3 sudu teh
Pasu kecil	1 sudu teh